



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama	Profil Kementerian ▾	Piagam Pelanggan
-------	----------------------	------------------

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - Bayaran Levi: Kerajaan Buat Pusing U

Utusan Malaysia - Bayaran Levi: Kerajaan Buat Pusing U

🕒 Rabu, Sep 26 2018



Bayaran levi: Kerajaan buat pusing U *Utusan Malaysia 26/9*

PUTRAJAYA 25 Sept. - Kerajaan hari ini membuat pusingan U dengan memutuskan untuk kembali kepada struktur lama pembayaran levi bagi lanjutan permit pekerja asing iaitu majikan perlu membayar sepenuhnya levi berkenaan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, keputusan itu berikutan aduan oleh golongan pekerja yang menyatakan bahawa mereka tidak mampu membayar bahagian levi berkenaan seperti dilaporkan oleh sebuah akhbar tempatan semalam.

"Dengan kembalinya ke struktur asal, maka levi sebanyak RM10,000 setahun dibayar sepenuhnya oleh majikan. Ini adalah untuk mereka yang memohon lanjutan bagi bekerja selepas tempoh 10 tahun. Bagi tempoh sebelum 10 tahun yang melibatkan bayaran RM1,850

SIDANG MEDIA

LIM GUAN ENG menunjukkan akhbar Sin Chew Daily mengenai pekerja asing dalam sidang akhbar di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. Turut sama M. Kula Segaran dan T. Subramaniam. - BERNAMA

setahun, tiada masalah. "Ini berdasarkan pandangan daripada pihak kesatuan sekerja yang mengatakan mereka tidak mampu membayarnya. Jadi kita menerima pandangan ini dan semua levi sebanyak RM10,000 setahun kita minta majikan bayar kerana pekerja tidak dapat bayar," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Semalam, Guan Eng memberitahu, pekerja asing akan membayar 80 peratus daripada levi tahunan sebanyak RM10,000, dengan baki 20 peratus dibayar oleh majikan bagi memastikan kerajaan Persekutuan tidak hilang keuntungan kewangan.

Dalam pada itu Guan Eng berkata, majikan yang mempunyai pekerja asing yang sudah berkhidmat lebih 10 tahun dan mahu menyambung perkhidmatan mereka, bayaran levi tahunan berjumlah RM10,000 itu boleh dibuat bermula 1 Oktober ini.

"Kalau mereka tidak mahu membayar RM10,000, pekerja berkenaan boleh pulang ke negara asal terlebih dahulu dan datang semula sebagai pekerja baharu, jadi levi perlu dibayar hanya RM1,850," katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**

 **Undian**

[BISNES](#)[AGENSI](#)[WARGA](#)

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

 03-8000 8000

 03-88823893 / 03-88823894

 [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216